



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Pilih fail dalam tablet

**B**AGAIMANAKAH cara untuk saya memilih, menyalin dan meletakkan sesuatu fail dalam komputer tablet dan mini iPad?

-Long, Meru.

Fungsi yang terdapat dalam sesebuah komputer untuk proses memilih, menyalin dan meletakkan sesuatu fail dikenali sebagai fungsi *Select*, *Copy*, *Cut* dan *Paste*. Fungsi *Select* adalah untuk memilih mana-mana fail yang hendak dibuat pemindahan. Beza antara fungsi *Cut* dan *Copy* ialah fungsi *Cut* menyalin dan buat pemindahan terus ke tempat lain tanpa disimpan di tempat asal. Fungsi *Copy* pula menyalin sesuatu fail dan kekal simpan fail tersebut di tempat asal. Fungsi *Paste* adalah fungsi meletakkan sesuatu fail dalam sesuatu tempat dalam komputer.

Kaedah dan penggunaan fungsi *Select*, *Copy*, *Cut* dan *Paste* ini lebih kurang sama dalam mana-mana komputer. Mungkin sedikit berbeza dari segi paparan, persembahan dan capaiannya sahaja. Fungsi ini juga boleh digunakan untuk menyalin dan memindahkan teks, alamat URL dan lain.-lain.

Seterusnya dinyatakan secara khusus penggunaan fungsi-fungsi ini dalam komputer tablet mini iPad dengan mengambil contoh membuat pilihan, menyalin dan meletakkan sesuatu teks daripada sesuatu fail ke fail yang lain dalam aplikasi Notes yang terdapat dalam komputer tablet, mini iPad.

**1** Dwi-*tap* satu teks atau perkataan yang dipilih dalam satu fail teks.

**2** *Tap* fungsi *Select* untuk memilih beberapa perkataan atau *tap* fungsi *Select All* untuk memilih kesemua perkataan atau teks tersebut.

**3** Seterusnya pilih perkataan dan *tap* fungsi *Copy*. Sekiranya mahu membuang terus perkataan tersebut, pilih fungsi *Cut*.

**4** Buka fail teks yang kedua dan pilih tempat di dalamnya untuk meletakkan perkataan yang disalin dengan *tap* penunjuk (*cursor*) di situ.

**5** Kemudian, pilih fungsi *Paste* untuk menyalin masuk perkataan tersebut ke dalam fail teks yang kedua.

Bagi fungsi penyalinan perkataan ini ada beberapa menu tambahan yang boleh digunakan seperti fungsi *Auto-Corret*, *Replace* dan *Define*. Selamat mencuba.